

Pakej kerja jejambat V3 MRT bermula bulan ini

PAKEJ kerja jejambat V3 Mass Rail Transit (MRT) bernilai RM816 juta yang diberikan kepada Mudajaya Corporation Bhd akan dimulakan bulan ini, kata Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Datuk Azhar Abdul Hamid, semalam.

Beliau berkata, syarikat itu telah dipertanggungjawabkan dengan tugas untuk membina 'guideway' jejambat MRT dan kerja-kerja lain yang berkaitan dari Dataran Sunway ke Seksyen 17.

"Jejambat guideway itu dijangka siap pada suku pertama 2016," katanya.

Jejambat sepanjang 6.03 kilometer itu akan diselaraskan dengan tiga stesen MRT utama iaitu

The Curve, 1 Utama dan Taman Tun Dr Ismail.

"Daripada lapan pakej kerja itu, MRT Corp telah mengeluarkan tujuh. Baki pakej, V8 (Taman Mesra-Kajang), dijangka dianugerahkan akhir Ogos," katanya.

Daripada jumlah 85 pakej kerja, MRT Corp telah berikan 37 pakej, 19 dinilai dan tender untuk 29 masih belum dipanggil, katanya.

MRT Corp menyasar agihkan 29 pakej menjelang akhir tahun.

Katanya, projek MRT bergerak dari kerja-kerja persediaan kepada fasa pembinaan aktif awal bulan ini. Tidak ada masalah dari segi isu tanah. Kami cuba untuk kurangkan penglibatan harta persendirian," katanya. - Bernama